



WerakuGames Sdn Bhd

www.weraku.com

support@weraku.com

27 Februari 2014

Kangkung Krush Fiasco

Permainan Terulung Oleh Penerbit Bebas (Indie) WERAKU

Kangkung Krush Fiasco adalah permainan aksi terbaru dan yang pertama diterbitkan oleh Weraku, penerbit permainan video indie atau bebas yang baru bertapak di Malaysia. Permainan ini boleh didapati secara percuma untuk versi Android(<http://bit.ly/kangkungandroid>) dan web di pautan (<http://www.weraku.com>). Selain itu, ia akan berada di Apple App Store untuk versi iOS dalam masa terdekat.

Membawakan watak-watak menarik dan berwarna-warni, para pemain hanya perlu mengawal papan kekunci dan mengutip sayuran di sepanjang laluan. Kutip sebanyak mungkin dan elak semua halangan seperti tong-tong beracun, pagar-pagar mengutip ufti dan lelaki berpakaian seragam. Apapun, melanggar halangan tidak akan menghentikan permainan kerana selepas itu anda perlu mengutip sayur-sayur yang jatuh dengan kereta sorong.

Menurut Ketua Penerbit Weraku, Mohan Low, permainan ini dibina dengan menerapkan ciri-ciri keseronokan tanpa henti. Runut bunyi, setiap aksi watak dan rekabentuk permainan semuanya mempunyai tarikan yang kuat untuk semua golongan pemain. Amat sesuai untuk mengisi masa lapang bersama seisi keluarga, kangkung bakal merubah suasana sekilip mata.

Weraku Games amat berbangga dengan permainan ini yang diharapkan dapat memperkenalkan syarikat penerbitan indie ini di mata dunia. Dengan misi untuk membantu para pembangun permainan (video dan telefon pintar) di rantau Asia Tenggara, Weraku mensasarkan untuk menerbitkan beberapa lagi permainan bermula dari bulan ini hingga suku kedua akan datang.